

Oleh Mohd Hilmie
Hussin
mohdhilmie@-
hmetro.com.my

Serdang

Mendapat status orang kurang upaya (OKU) pada usia 37 tahun bukan perkara yang mudah dihadapi namun kekurangan itu jugalah menjadi pemangkin semangat untuk terus mencipta kejayaan dalam hidup.

Penerima Doktor Falsafah Kesusasteraan Melayu (Kesusasteraan Melayu Klasik Islam) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Abdul Rahman Idris, 55, berkata, terlalu sukar untuk digambarkan apa yang dilaluinya apabila sebahagian lengan tangan kanannya terpaksa dipotong apabila terbabit kemalangan jalan raya pada 2001.

"Hilang daya keseimbangan dan tidak stabil kerana setiap kali terlanggar sesuatu, saya akan terus terjatuh. Mujur saya berpengalaman sebagai pemain bola dan seorang penjaga gol, jadi apabila jatuh saya akan mengimbangi cara jatuh," katanya ditemui pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-43, di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, semalam.

Mengimbas kembali detik kemalangan, Abdul Rahman yang lebih senang dipanggil ustaz, kini bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya, Pekan, Pahang berkata, insiden itu diibaratkan 'kerbau bertarung dengan rusa, rusa kalah dan tangan tergedai'.

"Sewaktu kejadian, saya memandu Perodua Rusa dan isteri saya, adik ipar

PEMBAKAR SEMANGAT

Lelaki kudung tangan antara penerima PhD



ABDUL Rahman bersama isterinya, Rosnaza pada Konvokesyen UPM Ke-43, semalam.

serta empat anak saya berada dalam kenderaan ketika itu, sebelum terlanggar seekor kerbau jantan di Kampung Ubai, Pekan, Pahang.

"Sebaik terbabas, saya tidak fikir lain selain mengeluarkan anak-anak dari kenderaan kerana tidak mahu keluarga saya rentung terbakar dalam insiden itu.

"Selepas itu saya hanya menyedari saya berada di hospital dan doktor memberitahu tangan saya terpaksa dipotong dan saya izinkan," katanya.

Justeru, Abdul Rahman

menasihati mereka yang tiba-tiba menjadi OKU akibat kemalangan, mendekati golongan sepertinya bagi mendapatkan khidmat nasihat kerana dia sedar trauma mental yang dihadapi mereka yang mengalami nasib sama.

Majlis konvokesyen kali ini istimewa buat Abdul Rahman kerana anak sulungnya Nur Ruqaiyah, 33, turut menerima Ijazah Sarjana Sains (Komunikasi Keorganisasian), namun tidak dapat naik ke pentas kerana berada di hospital

untuk menanti detik melahirkan anak ketiga.

Sementara itu, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam titah ucapan pada istiadat konvokesyen berkenaan mahu setiap graduan UPM memiliki jiwa kepemimpinan dalam diri masing-masing.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah, kejayaan graduan bukan hanya untuk diri sendiri malah demi kepentingan generasi akan datang supaya masyarakat madani dapat diwujudkan.